



KENYATAAN MEDIA

INISIATIF MENJANA SEMULA INDUSTRI KREATIF MELALUI PELAN PEMULIHAN EKONOMI

Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mengambil berat terhadap nasib penggiat-penggiat industri kreatif tempatan yang terkesan dari segi ekonomi berikutan wabak COVID-19 yang melanda. Pelbagai usaha sedang dan telah dilaksanakan untuk memastikan penggiat dan karyawan seni kreatif tempatan mampu menjana semula pendapatan dan menjaga kebajikan mereka, selaras dengan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diumumkan baru-baru ini.

Semalam saya bersama-sama dengan pegawai KKMM telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil dari Kementerian Pelancongan, Seni, dan Budaya (MOTAC), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Jabatan Penyiaran (RTM), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), dan MY Creative Ventures berhubung langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi membantu penggiat dan karyawan seni kreatif terutamanya yang berskala kecil untuk memulakan semula aktiviti masing-masing dalam jangka masa pendek, iaitu 6 bulan.

Input-input daripada perbincangan ini akan dibawa kepada perhatian Kementerian Kewangan (MOF), untuk pertimbangan dijadikan sebagai sebahagian daripada Pelan Pemulihan Ekonomi yang dijangka diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Saya telah meminta setiap agensi kerajaan yang terlibat dalam mesyuarat tersebut untuk menyenaraikan bantuan-bantuan yang boleh dilaksanakan dalam tempoh

enam bulan yang akan datang dengan menggunakan peruntukan sedia ada masing-masing dan tidak memerlukan sebarang pindaan kepada aspek kawal sedia ada. Agensi-agensi tersebut juga perlu memaklumkan tentang bantuan-bantuan yang boleh dilaksanakan menggunakan dana sedia ada, tetapi memerlukan tindakan lanjut dari aspek kawal selia sedia ada yang perlu kelulusan pihak MOF.

Selain itu, saya juga memohon setiap agensi yang berkaitan untuk memberi input tentang keperluan dana tambahan yang diperlukan daripada pihak MOF bagi membolehkan bantuan diberikan.

Dalam hubungan ini, saya mengalu-alukan dan menghargai komitmen yang telah diberikan oleh pihak MOTAC yang telah bersetuju untuk bekerjasama dengan KKMM dalam menerajui usaha-usaha membantu penggiat industri kreatif memulakan semula aktiviti masing-masing.

Bagi pihak KKMM, saya akan memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dan kandungan kreatif dapat dihasilkan melalui Dana Kandungan Digital (DKD) melalui agensi-agensi KKMM seperti FINAS dan MDEC.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
22 MEI 2020**